

# Putrajaya lambang kejayaan industri pembinaan tempatan

Oleh Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang menjadi kebanggaan rakyat serta dikagumi termasuk oleh ketua kerajaan asing membuktikan kemampuan anak tempatan melaksanakan projek yang sukar, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, Putrajaya bukan saja pusat pentadbiran kerajaan tetapi bakal menjadi tumpuan kegiatan swasta serta kegiatan riadah dan destinasi pelancongan terkenal.

Sambil melahirkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Presiden Perbadanan Putrajaya, Allahyarham Tan Sri Azizan ZainulAbidin yang menjadi perancang utama pembangunan Putrajaya, Abdullah berkata, ia lambang kejayaan visi pemimpin negara.

"Kita amat bangga dengan perancangan anak tempatan yang membina bangunan menggunakan bahan dan peralatan yang direka dan dihasilkan dalam negara.

"Putrajaya menjadi lambang kejayaan industri pembinaan Malaysia, lambang kebolehan profesional kita dan lambang kejayaan visi pemimpin kita.

"Tentu sekali mereka yang berjasa seperti Tun Dr Mahathir, Allahyarham Tan Sri Azizan yang menjadi pelaksana projek itu... terima kasih," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis merasmikan Menara PjH, iaitu bangunan pejabat swasta pertama di Putrajaya. Bangunan itu

menempatkan ibu pejabat korporat Putrajaya Holdings, pemaju utama infrastruktur, pejabat kerajaan, rumah kediaman dan kawasan komersial di sini.

Dua blok bangunan moden yang tersergam di lokasi strategik di Presint Dua iaitu di hujung utara Boulevard berhadapan Kementerian Kewangan. Blok satu setinggi 10 tingkat menempatkan ibu pejabat Putrajaya Holdings, manakala blok dua disewakan.

Sempena majlis itu, sajak bertajuk 'Putrajaya, Semangatmu Merentas Alam' turut dideklamasikan sebagai penghargaan kepada Azizan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan Putrajaya.

Hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Samad; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman selaku Presiden Perbadanan Putrajaya dan Pengerusi Putrajaya Holdings, Datuk Ishak Imam Abas.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri turut menyentuh keprihatinan Dr Mahathir terhadap perancangan dan pembangunan Putrajaya dengan sentiasa meninjau melalui tingkap pejabat di tingkat lima Pejabat Perdana Menteri atau tingkat empat ketika bermesyuarat.

"Beliau akan berdiri dekat tingkap untuk meninjau kemajuan pembangunan di Putrajaya. Ketika mesyuarat Kabinet, beliau akan berdiri dekat tingkap tingkat empat untuk memberi penerangan kepada menteri terhadap pembangunan yang dijalankan," katanya.

Abdullah berkata, dengan pembangunan yang menjadi contoh dalam pelbagai aspek, Putrajaya bukan saja



**ABDULLAH tertarik melihat potret beliau dan isteri yang dilukis Azmi Aris sambil diperhatikan (dari kiri) Mohd Isa, Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings, Datuk Mohd Othman Zainal Azim, Samsudin dan Ishak ketika majlis perasmian Menara PjH, di Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar**

sesuai untuk kediaman kakitangan kerajaan tetapi semua rakyat

"Dengan pembinaan bangunan komersial, pusat beli-belah seperti Alamanda, pejabat korporat dan pusat riadah serta infrastruktur lain, Putrajaya akan menjadi model dan contoh dalam semua aspek," katanya.

Sementara itu, Ishak berkata, Putrajaya yang menjadi sebahagian daripada Koridor Pertumbuhan Kuala Lumpur-Selatan sedang berkembang

pesat dan berpotensi besar.

Katanya, ia juga menawarkan banyak peluang pelaburan kepada pelabur kerana bandar raya ini diramalkan mempunyai penduduk 350,000 orang dan 200,000 pekerja menjelang 2010.

"Penyelidikan pasaran yang kami jalankan menunjukkan Putrajaya berpotensi besar kerana kawasan tarikannya melepasi sempadan bandar raya ini," katanya.

Berikutan potensi yang besar itu,

Abdullah berkata, Putrajaya Holdings membina Menara PjH yang akan menjadi perintis pertumbuhan komersial dan membina pusat beli-belah Alamanda yang dibuka dua minggu lalu.

"Satu lagi projek 'biji benih' sedang dirancangkan iaitu pembinaan sebuah hotel kolat perniagaan di sebelah Menara PjH yang akan memenuhi keperluan pejabat kerajaan dan masyarakat perniagaan di sini," katanya.